

From: Mohd Fxxx Mxxxxxxx - Jabatan Syariah, ~~XXXXXXX XXXXXXXX~~
Sent: Tuesday, October 03, 2006 3:13 PM
To: TM All Internet Mail ; TM All Intranet Mail
Subject: Durga Pooja Greetings / Lakshmi Pooja Greetings / Deepavali Greetings

السلام عليكم

Tuan/puan warga kerja ~~XXXXXXX XXXXXXXX~~ yang dihormati,

Marhaban Ramadhan, semoga kita semua mendapat manfaat dan keberkatan daripada bulan yang mulia ini.

Sebagaimana yang tuan/puan sedia maklum bahawa selain dari perayaan Aidil Fitri yang akan disambut oleh umat Islam pada bulan ini, penganut agama hindu juga merayakan 3 perayaan mereka seperti yang disebut dalam subjek di atas.

Sukacita saya ingin maklumkan bahawa kakitangan ~~XXXXXXX XXXXXXXX~~ perlu berhati-hati dengan ungkapan ucap selamat sempena perayaan tertentu yang selain daripada perayaan yang terdapat dalam Islam. Ucapan selamat tersebut mestilah diteliti implikasinya terutama yang melibatkan hukum dan akidah.

Antaranya ialah ucapan selamat Happy Durga Pooja atau Durga Pooja Greetings. Ia bermakna selamat menyambut hari kebesaran Dewi Durga. Sambutan ini adalah festival yang paling penting bagi orang-orang Hindu. Ia menandakan ketaatan dan kepatuhan kepada Dewi Durga yang dianggap sebagai Mother of the Universe. Ia disambut oleh penganut agama Hindu pada hari-hari berikut:

29 Sept 2006 - Durga Pooja - Saptami
30 Sept 2006 - Durga Pooja - Mahastami
01 Okt 2006 - Durga Pooja - Navami
02 Okt 2006 - Dussehra - Vijaya Dasami

Untuk makluman tuan/puan, Durga Pooja mengikut kepercayaan penganut agama hindu adalah tuhan dewi yang mempunyai tangan yang banyak dan bersilang yang biasanya kelihatan di kuil-kuil hindu.

Antaranya lagi ialah ucapan selamat Happy Deepavali atau lebih dikenali di Benua Kecil India dengan nama Happy Diwali. Deepavali atau Diwali menandakan kemenangan kebaikan mengatasi kejahatan. Ia berkaitan dengan agama hindu juga di mana mitosnya bagi penganut agama hindu di Malaysia ialah tuhan agama hindu yang bernama Krishna telah membunuh Narakasura. Lalu penganut agama hindu merayakan kemenangan ini dengan menyalakan lampu serta berpesta. Manakala mitos di Benua Kecil India pula ialah kemenangan Ramayana membunuh Ravana.

Mengikut kepercayaan hindu, sempena perayaan deepavali mereka akan menerangi rumah mereka dengan cahaya kerana dewi Lakshmi iaitu dewi kekayaan akan berkunjung ke rumah yang diterangi cahaya dan akan memberkati keluarga terbabit. Oleh itu perayaan Lakshmi Pooja akan diadakan 2 hari sebelum deepavali untuk mendapatkan rezeki dan berkat yang berganda.

Setelah meneliti ketiga-tiga perayaan tadi maka jelaslah ianya ada kaitan secara langsung dengan kepercayaan agama hindu. **Seluruh kakitangan Malaysia adalah dilarang** untuk mengucapkan ucap selamat kepada ketiga perayaan di atas dan lain-lain lagi yang sepertinya kerana ianya boleh menyebabkan berlakunya syirik. **Budaya korporat XXXXXXX XXXXXXX yang bersendikan Syariat tidak mengizinkan** ianya berlaku sekalipun untuk pelanggan yang beragama hindu atau agama lain yang mana ucap selamat tadi membabitkan tuhan mereka. Ucapan Happy Durga Pooja, Happy Lakshmi Pooja dan Happy Deepavali seolah-olah mengucap selamat buat tuhan hindu yang bernama Durga, Laksmi dan Krishna. Dan ianya jelas bertentangan dengan akidah Islam.

Allah berfirman dalam surah ali-'Imran ayat 18 yang bermaksud: "Allah telah bersaksi bahawa tiada tuhan selain Dia". Dalam surah Muhammad ayat 1 Allah berfirman yang bermaksud: "Maka ketahuilah bahawa tiada tuhan selain Allah".

Bagi mereka yang telah terlanjur mengucap selamat kepada penganut hindu seperti ketiga-tiga greetings di atas maka hendaklah **segera bertaubat dan tidak mengulanginya** lagi pada masa-masa akan datang.

Semoga usaha kita untuk mengamalkan Syariat sebagai budaya korporat XXXXXXX XXXXXXX diberkati Allah dan mencapai kejayaan yang kita harapkan.

Sekian untuk makluman. Terima kasih.

والسلام

**i-CARE (integrity – Customer Focus, Accountability, Respect, Entrepreneurship)
Strengthening the Organization Culture towards a World Class Organization - The XXXXXXX
XXXXXXXX Way**

Mxxx Fxxxx Mxxxxxxxx
Shariah Dept
CEO's Office

Syarikat XXXXXXX XXXXXXX Berhad (XXXXXXXX XXXXXXX)
Level 10, Main Block
Dataran XXXXXXX XXXX XXXXXXX
No.4, Jalan Sultan XXXXXXX
5xxxx Kuala Lumpur